

UNIT 6

SUMBANGAN TOKOH-TOKOH BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini anda dapat:

1. Mengenalpasti peranan tokoh-tokoh bahasa yang membantu pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu.
2. Menjelaskan sumbangan orang barat dan orang tempatan dalam perkembangan bahasa Melayu
3. Mengetahui peranan wartawan dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu

PENGENALAN

Pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu terus berkembang pesat apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Bahasa Melayu memikul dua tugas besar untuk mengisi kemerdekaan. Pertama bahasa itu menjadi bahasa pentadbiran dan kedua menjadi bahasa pengantar pendidikan. Pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu pada hari ini merupakan satu usaha gigih pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan, pertubuhan dan badan-badan bahasa serta tokoh-tokoh tertentu dalam memertabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Tokoh-tokoh Zaman Bahasa Melayu Pramoden

Pada awal abad ke-19 di Patani terdapat sebuah karya berkenaan dengan Patani bertarikh 1838M. karya yang dianggap paling hampir dengan kenyataan tentang kerajaan Patani ini ditulis oleh Ibrahim bin Syukri yang berjudul Sejarah Kerajaan Melayu Patani (Yusoef Iskandar, 1973: 462). Salah satu versi Hikayat Patani telah dikaji oleh A Teeuw dan D.K Wyatt. Bahagian awal Hikayat Patani tersebut adalah seperti pertikan berikut:

“Bismillahi-rrahmani-rrahim

Inilah suatu kisah yang diceterakan oleh orang-orang tua, asal raja yang berbuat negeri Patani Darussalam itu. Adapun raja di Kota Maligai itu namanya Paya Tu Kerub Majana. Maka Paya Tu Kerub Majana pun beranak seorang laki-laki, maka dinamai anakanda baginda itu Paya Tu Antara. Hatta berapa lamanya maka Paya Tu Kerub Majana pun matilah. Syahdan maka Paya Tu Antara pun kerajaanlah menggantikan ayahanda baginda itu. Ia menamai dirinya Paya Tu Ngapa” (Teeuw, A dan Wyatt, D.K, 1970: 68).

Melalui petikan di atas, jelas kelihatan masih terdapat pengaruh Arab dan bahasa Melayu klasik. Pengaruh Arab dapat dilihat pada kata pembuka iaitu kata Bismillahi-rrahmani-rrahim manakala pengaruh bahasa Melayu klasik pula dapat dilihat pada penggunaan kata pangkal ayat seperti hatta dan syahdan.

Sheikh Daud Abdullah

Pada tahun yang sama, iaitu 1838M, Sheikh Daud Abdullah telah menghasilkan sebuah buku berjudul *Fur u'al- m asa'il*. Buku ini merupakan terjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Menurut Skinner, C., dalam karya ini, banyak perkataan Arab dimasukkan dalam terjemahan ini bahkan strukturnya juga sama seperti struktur Arab. Hal ini kerana ia diterjemahkan seayat demi seayat (Skinner, C. 1959:28). Walau bagaimanapun, usaha penterjemahan ini tidak seharusnya diperkecilkan sebaliknya perlu dihargai kerana banyak perbendaharaan bahasa Melayu telah diperkaya oleh bahasa asing ini.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1796-1854M)

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi atau lebih dikenali sebagai Abdullah Munsyi, dilahirkan di Kampung Masjid, Melaka. Tetapi banyak menghabiskan masanya di Singapura kerana mengajar bahasa Melayu kepada orang-orang Inggeris seperti Sir Stamford Raffles, Paderi Thomsen, Paderi Milne, Paderi Keasberry, Crawford dan lain-lain. Antara karya-karya dan penulisan yang dihasilkan ialah;

- *Syair Singapura Terbakar* (1830).
- *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838).
- *Hikayat Abdullah* (1849).
- *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Jeddah* (1854).
- *Dewa ul-Khulub* (1883).
- *Majalah Bustan Arifin*



Abdullah Munsyi turut menterjemahkan karya dalam bahasa Hindi dan Inggeris. Antaranya *Hikayat Panca Tendaran* ke dalam bahasa Melayu yang diberi judul *Hikayat Kalidah dan Damimah* yang dilakukan pada tahun 1835. Abdullah Munsyi juga telah memperbaiki *Sejarah Melayu* dan *Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu Dalam Segala Negeri*.

Abdullah Abdul Kadir Munshi atau lebih dikenali sebagai Abdullah Munshi (1796-1854M) telah menghasilkan karya sulungnya pada tahun 1830M yang bertajuk *Syair Singapura Terbakar*. Beliau bukan sahaja memperlihatkan perkembangan bahasa Melayu dalam karya kesusasteraan malah turut menyedari betapa pentingnya buku nahu bahasa Melayu. Baginya, nahu sesebuah bahasa bukanlah dapat menyelesaikan seratus peratus masalah bahasa. Hal ini lebih diperkuatkan lagi apabila nahu sesuatu bahasa dikaji oleh orang asing yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu dan tujuan membuat kajian tersebut bukanlah berdasarkan kajian ilmiah tetapi kerana kepentingan tertentu. Ia melihat bahawa nahu bahasa Melayu yang dibuat oleh orang asing itu hanyalah satu pengubahsuaian nahu bahasa mereka sendiri yang cuba diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Oleh kerana itulah beliau mengatakan: "Sebermula hendaklah engkau ketahui, janganlah tersalah faham. Maka jikalau ada nahu bahasa Melayu itu niscaya meringankan pekerjaan sahaja gunanya, jangan engkau sangkakan boleh menjadi pandai dalam pekerjaan karang-mengarang. Maka sungguhpun diletakkan hukumnya maka ada juga lagi beberapa perkataan yang tiada menurut hukum itu. Umpamanya jikalau seratus hokum itu

barangkali tujuh puluh sahaja yang masuk dalam hukum itu, dan yang tiga puluh itu di luarnya” (Abdullah Munsyi, 1966: 331).

Di samping itu, jika kita membuat perbandingan antara bahasa Melayu sebelum Abdullah dan bahasa yang digunakan oleh Abdullah ternyata terdapat perkembangan. Buktinya adalah seperti bahasa yang terdapat dalam petikan yang berikut ini: “Bahawa ini Kisah Pelayaran Abdullah Abdul Kadir Munshi kepada tarikh sanat 1253 tahun. Maka bahawa sesungguhnya kepada tahun itu adalah barang saudagar-saudagar orang China dan orang Yahudi yang duduk dalam negeri Singapura, kira-kira sepuluh dan dua belas orang, telah memberi sambutan dagangan kepada China sampan pukat empat buah, kira-kira empat lima puluh ribu ringgit banyaknya, akan dibawanya ke negeri Pahang dan Trengganu dan Kelantan, Patani dan Senggora” (Kasim Ahmad, 1981: 1).

Perkembangan bahasa Melayu yang diperlihatkan Abdullah dinyatakan oleh Li Chuan Siu sebagai “Menciptakan perkataan-perkataan atau ungkapan baru dalam bahasa Melayu untuk mempercakapkan hal-hal atau benda-benda baru yang timbul kerana pertemuan antara kebudayaan Timur dan Barat” (Li Chuan Siu, 1972: 8). Perkembangan bahasa yang dibawa oleh Abdullah bukanlah satu perkara yang menghairankan kerana beliau telah mendapat pendidikan Inggeris berbanding sasterawan sebelumnya yang rata-rata mendapat pendidikan Arab. Menurut Zahir Ahmad dan Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi, 2006, bahasa dan gaya tulisan Munshi Abdullah juga berbeza daripada bahasa dan gaya sastera hikayat. Tulisannya lebih jelas, tepat dan tajam dan menggunakan bahasa biasa. Beliau tidak menulis kisah-kisah khayalan yang tidak diterima akal, tetapi mengemukakan idea beliau sendiri. Beliaulah yang memperkenalkan bidang percetakan dan penerbitan buku pada pertengahan abad ke-19 yang membawa perubahan besar kepada dunia kesusasteraan Melayu moden.

Raja Ali Haji (1809– 1870)

Raja Ali Haji Ibtu Raja Haji Ahmad atau lebih dikenali sebagai Raja Ali Haji terkenal sebagai ulama serta sasterawan Melayu terkemuka, mempunyai latar belakang pendidikan Arab, namun, beliau masih mengekalkan unsur bahasa Melayu klasik yang banyak dipengaruhi oleh perkataan Arab dan struktur bahasa Arab. Karya-karya penulisan Raja Ali merangkumi pelbagai aspek seperti agama, bahasa, sastera, sejarah, dan undang-undang. Antaranya ialah;

- *Bustanul-Katibin Lissubyanil-Muta'alimi* atau terjemahan bahasa Melayu ialah *Kitab Perkebunan Jurutulis Bagi Kanak-Kanak Yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia* (1857).
- *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858). Kitab ini dipercayai kamus ekabahasa pertama yang disusun oleh anak watan Melayu sendiri.
- *Kitab Silsilah Melayu dan Bugis* dan sekalian Raja-Rajanya.
- *Taufatul Nafis* atau dalam terjemahannya, iaitu *Hadiah yang Bernilai*.
- Syair dan Pantun : *Syair Jatuhnya Negeri Johor*, *Syair Gurindam Dua Belas*, *Syair Taman Pertama*, *Syair Abdul Muluk* dan *Syair Hukum Nikah*.
- Karya Undang-Undang seperti *Tamaral-al-Muhamed...Ahli'l-Mahkamah* dan *Mukaddimah fi Intizam al-Wazaif al-Malik*.



Raja Ali Haji adalah putera hasil perkahwinan Raja Ahmad bin Raja Haji dengan pasangannya, Encik Hamidah binti Panglima Malik Selangor. Beliau lahir di Pulau Penyengat, iaitu sebuah pusat Kerajaan Riau Lingga, Johor dan Pahang pada tahun 1809. Beliau adalah anak bongsu daripada tujuh orang bersaudara. Beliau berasal daripada keturunan Bugis iaitu daripada golongan bangsawan.

Gelaran 'Raja' pada nama beliau diperoleh daripada nama keturunan keluarga kerana 'Yang Dipertuan IV' merupakan kerabat Sultan Riau Lingga (Sigit Rahman, 2004).

Sejarahnya bermula apabila orang Bugis tiba di kawasan Pulau Penyengat sekitar abad ke-18. Kebetulan pada masa ini berlaku perebutan kuasa antara pewaris Kesultanan Johor setelah Sultan Mahmud Syah II terbunuh. Datuknya, Raja Haji berjaya mendirikan Kesultanan Johor-Riau sebagai pusat perdagangan dan budaya yang teragung. Datuknya adalah 'Yang Dipertuan IV' Kerajaan Riau Lingga dan seorang pahlawan termasyhur dengan keberaniannya menentang Belanda hingga tewas dalam peperangan di Teluk Ketapang pada 1784. Raja Haji telah meninggalkan dua orang putera iaitu Raja Ahmad dan Raja Ja'far. Raja Ahmad (ayahanda Raja Ali Haji) adalah pangeran pertama dari Riau yang menunaikan haji (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2004).



Raja Ahmad sangat menyukai bidang sejarah. Salah satu karyanya yang terkemuka ialah "Syair Perang Johor" yang menceritakan tentang peperangan antara Kesultanan Johor dan Kesultanan Aceh pada abad ke-17. Selain itu, Raja Ahmad adalah orang pertama yang menyusun sebuah buku mengenai sejarah orang Bugis di daerah Melayu dan hubungannya dengan raja-raja Melayu (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2004). Bakat menulis ini kemudiannya diturunkan kepada puteranya, Raja Ali Haji. Sejak remaja lagi, Raja Ali Haji sering mengikuti ayahnya mengembara ke sejumlah wilayah termasuk ke Batavia, perjalanan perdagangan dan menunaikan haji ke Tanah Suci. Pengalaman ini secara lansung memberikan ilmu pengetahuan yang cukup luas buat dirinya. Ketika berusia 20 tahun, beliau sudah memikul tanggungjawab dan tugas-tugas kenegaraan. Sehingga usianya mencecah 32 tahun, Raja Ali bersama sepupunya, Raja Ali bin Raja Ja'far, diberi kepercayaan memerintah di daerah Lingga, yang mewakili Sultan Mahmud Muzaffar Syah yang ketika itu masih muda. Selain itu, sejak belia lagi beliau sudah terkenal sebagai ulama dan sering diminta pandangan berhubung fatwanya oleh kerabat kerajaan. Pengetahuannya dalam bidang agama sangat menonjol dan dimanfaatkan untuk membimbing para guru agama di Riau pada ketika itu.

Semasa Raja Ali bin Raja Ja'far ditabalkan menjadi Yamtuan Muda pada tahun 1845, Raja Ali pula dikukuhkan sebagai Penasihat Keagamaan Negara. Beliau merupakan salah seorang di antara sasterawan yang sezaman dengan Abdullah Munshi tetapi mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Walaupun begitu, penggunaan bahasa di antara mereka berdua cukup berbeza. Hal ini tidaklah menghairankan kerana mereka bukan sahaja memiliki latar pendidikan yang berbeza tetapi juga kerjaya dan lingkungan yang berbeza. Abdullah berpendidikan Inggeris, bekerja sebagai penterjemah bahasa Inggeris dan hidup di tengah-tengah masyarakat perdagangan di Singapura. Manakala Raja Haji pula golongan berpendidikan Arab, pendakwah dan hidup dalam lingkungan istana di Pulau Penyengat, Riau.

Sumbangan beliau dalam bidang intelektual berupa sejumlah karya meliputi pelbagai bidang antaranya ialah bidang keagamaan, sastera, politik, filsafat, hukum, ketatanegaraan dan tatabahasa. Di bidang sastera Melayu, karyanya yang berjudul Hikayat Abdul Muluk (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2004) yang dibuat tahun 1846 dianggap sebagai karya sasterawan Riau yang pertama kali diterbitkan. Karya-karya Raja Ali Haji dikenal dengan sifat khusus yang selalu berakar pada syariat Islam dan juga tradisi Melayu. Karya sastera yang terkenal ialah Gurindam Dua Belas (rujuk lampiran 1) yang dihasilkan pada 1847. Gurindam yang mengandungi dua belas fasal ini menyangkut persoalan ibadah, perseorangan, kewajipan raja, kewajipan anak terhadap orang tua, tugas orang tua terhadap anak, sifat-sifat bermasyarakat dan sebagainya. Jodhi Yudhono dalam artikelnya yang bertajuk "Raja Ali Haji, Magma Sastra Melayu" ada memetik kata-kata Raja Ali Haji yang menerangkan guridam

sebagai berikut: "ada pun arti gurindam itu, yaitu perkataan yang bersajak pada akhir pasangannya, tetapi sempurna perkataannya dengan satu pasangannya saja, jadilah seperti sajak yang pertama itu syarat dan sajak yang kedua itu jadi seperti jawab". Beberapa rangkap petikan gurindam tersebut seperti di bawah ini :

“Barang siapa mengenal Yang Tersebut, tahulah ia makna takut
 Barang siapa meninggalkan sembahyang, seperti rumah tiada bertiang
 Barang siapa meninggalkan puasa, tidaklah mendapat dua termasa
 Barang siapa meninggalkan zakat, tiadalah hartanya beroleh berkat
 Barang siapa meninggalkan haji, tiadalah ia menyempurnakan janji”

Oleh kerana pengetahuan bahasa Arabnya tinggi, maka nahu Melayu yang ditulisnya itu berdasarkan bahasa Arab. Karya tersebut berjudul *Bust anulkat ib in* yang bertarikh 1850M (Li Chuan Siu, 1972: 8). Namun, Raja Masittah pula mengatakan bahawa karya ini ditulis pada 1857M (Raja Mashittah Raja Ariffin, 1990: 73). Walaupun nahu ini berdasarkan nahu Arab, namun ia dianggap karya penting kerana buku ini merupakan nahu bahasa Melayu pertama yang dikarang oleh orang Melayu. Karya lainnya yang terkenal adalah buku di bidang ketatanegaraan yang berjudul *Intizam Wazaif al Malik* (Peraturan Sistematis tentang Tugas-Tugas Raja). Buku yang berisi nasihat terhadap perilaku raja dan aturan pemerintahan secara Islam ini ia buat untuk memperingati wafatnya Yamtuan Muda Raja Ali bin Raja Ja'far pada tahun 1857 . “

Dua tahun kemudian, Raja Ali Haji membuat karya lainnya di bidang yang sama, iaitu buku yang berjudul *Samarat al-Muhimmah Difayah li al-Umara wa al-Kubara wa li ahl al-Mahkamah* (Pahala dari Tugas-tugas Keagamaan bagi para Pemimpin, Pembesar, dan para Hakim). Dalam buku ini, secara tegas ia menyatakan bahwa seorang raja yang melalaikan tugasnya dan menderhakai Allah SWT, tidak dapat diterima sebagai penguasa lagi, dan kerajaannya harus diserahkan kepada orang yang lebih tepat.

Di samping karya kesusasteraan dan nahu bahasa Melayu, Raja Ali Haji juga menghasilkan Kitab Pengetahuan Bahasa pada 1859M iaitu sebuah kamus bahasa Melayu. Sebenarnya, buku ini tidak dapat dianggap kamus seratus peratus kerana bahagian awal dalam buku ini membincangkan nahu bahasa Melayu secara ringkas dan sederhana. Ia lebih sesuai dikatakan sebagai ensiklopedia. Menurut R. Hamzah Yusuf (1987) pentransliterasi Kitab Pengetahuan Bahasa, walaupun tidak semua abjad yang terdapat di dalam kamus tersebut diakhiri sebahagian daripada perkataan berawalan *ca* (*ج*), namun buku ini disamping mengandungi erti perkataan, ia juga menyertakan penjelasan terhadap setiap perkataan termasuk huraian nahu bahasa Melayu walaupun berdasarkan kaedah bahasa Arab. Mungkin Raja Ali Haji sangat mengagumi peribadi Imam Ghazali. Ini sangat nyata melalui karya-karyanya yang banyak menyebutkan buku *Ihya Ulum ad-Din* karya ulama besar tersebut. Pengaruh Al Ghazali sangat terasa dalam bagaimana Raja Ali Haji menggambarkan sosok raja yang ideal yang seharusnya bisa menahan diri dari hal-hal yang bersifat duniawi dan lebih mementingkan mengurus umat. Selain dipengaruhi pemikiran Al Ghazali, pemikiran politik Raja Ali Haji juga dipengaruhi ulama seperti Ibnu Taimiyah dan Abu al-Hasan Ali bin Muhammad Habib al-Mawardi.

Buku-buku beliau lainnya adalah *Silsilah Melayu dan Bugis* (1859) yang mengisahkan pengalaman lima orang Bugis bersaudara yang merupakan nenek moyang Pangeran Penyengat. Dua karya di atas merupakan warisan yang sangat berharga bagi sejarah Sumatera, Kalimantan, dan Semenanjung Malaya. Buku ini juga mengisahkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang terjadi di kawasan ini selama

dua abad. Tuhfat al-Nafis atau “Hadiah yang Berharga” ini dihasilkan pada tahun 1865. Karya yang menjurus kepada sejarah ini menceritakan tentang sejarah Kepulauan Riau- Lingga (termasuk Singapura), Siak (Sumatera Timur), Kalimantan Barat, Sulawesi Selatan dan Betawi awal abad ke-19. Gambaran yang cukup menarik dalam karya ini ialah tentang kehidupan harian di Pulau Penyengat iaitu pusat pentadbiran kerajaan. Ia juga mengisahkan sikap Yang Dipertua Muda yang berfoya-foya; Sultan Mahmud di Singapura sehingga mengabaikan pentadbiran kerajaannya di Lingga.

Raja Ali Haji yang mendapat pendidikan Arab masih mengekalkan bahasa klasik yang banyak menggunakan kosa kata dan struktur bahasa Arab. Hal ini jelas sama sekali jika diteliti pada bahasa yang digunakan dalam petikan Tuhfat al-Nafis seperti “Bi-’smi’llahi’r-rahmani’r-rahim. Maka pada ketika di dalam Hijrat al-Nabi salla Allahu ‘alaihi wasallam seribu dua ratus delapan puluh dua tahun dan pada tiga haribulan Syaaban yang maha besar dan berbangkitlah hatiku bahawa memperbuat kitab ini yang simpan, dan di dalamnya menyatakan silsilah dan perjalanan dan tawarikh dan segala khabar- khabar daripada kisah Raja-raja Melayu serta Bugis dan kepada segala anak-anak mereka itu. Dan aku namai akan dia ‘Tuhfat al-Nafis’ pada menyatakan kelakuan daripada Raja-raja Melayu serta Bugis. Padahal mengharapkan aku akan Allah yang mengampuni daripada tersalah pada segala tawarikh dan pada perjalanannya. Ya Tuhanku, perkenankan oleh-Mu akan pinta hamba-Mu intiha.”

Dalam mengarang teks tersebut, beliau lebih cenderung dengan suku kaum Bugis. Ini adalah amat bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Arba’iyah Mohd Nor iaitu beliau mengatakan “ tema Tuhfat al-Nafis dikatakan lebih cenderung kepada cerita Raja-raja dan rakyat Bugis atau boleh dianggap sebagai Bugis centric (Arba’iyah Mohd Nor, 2002: 125). Beliau juga sedaya upaya menjadikan Tuhfat al-Nafis sebagai alat untuk mempertahankan kedudukan suku Bugis dalam Kesultanan Melayu terutamanya Johor.

Sememangnya tidak dapat dinafikan, kandungan teks Tuhfat al-Nafis ini lebih pro-Bugis atau cenderung kepada suku kaum Bugis. Sebaliknya memberi gambaran yang negatif atau yang tidak baik kepada musuh-musuh kaum Bugis terutamanya Raja Kecil dan suku kaumnya di Minangkabau serta juga kaum Melayu sendiri. Apa yang lebih penting ialah penggunaan kata bahasa Melayu dalam buku tersebut. Dalam menghasilkan buku itu, Raja Ali Haji banyak menggunakan kata pangkal ayat seperti syahadan, maka, sebermula, adapun, alikisah dan pelbagai lagi.

Karya Raja Ali Haji lainnya adalah buku berjudul Bustan al-Katibin li as Sibyan al-Muta’allimin (Taman Para Penulis dan pencari Ilmu) yang dicetak tahun 1875. Lalu buku berjudul Kitab Pengetahuan Bahasa. Malangnya, kedua buku ini belum selesai kerana Raja Ali Haji wafat pada tahun 1870. Kedua buku ini berisi tentang pandangan Raja Ali Haji yang menyatakan bahawa satu-satunya jalan untuk mengatasi hawa nafsu dan permasalahan adalah dengan taat kepada hukum Allah SWT yang digariskan dalam Al-Quran.

Bukunya yang lain adalah Siti Sianah, Suluh Pegawai, Taman Pemrata, dan Sinar Gembala Mustika Alam. Setiap buku-buku yang dibuatnya, khususnya yang berisi nasihat, selalu disertai contoh-contoh khusus yang terjadi di sekelilingnya pada masa yang sama. Jelaslah, Raja Ali Haji adalah salah seorang ilmuwan yang teragung pada abad ke-19. beliau memberikan sumbangan yang penting dalam usaha memperkembang bahasa Melayu.

Pengiran Muhammad Salleh

Abad ke-19 merupakan zaman yang amat menyedihkan kerana hampir pupus semua wilayah Brunei ke tangan Inggeris. Pada saat inilah juga cendekiawan Brunei, Pengiran Shahbandar Pengiran Mohd. Salleh mencipta sebuah syair yang menimbulkan berbagai-bagai penafsiran sehingga nyawanya sendiri terkorban. Syair Rakis dipercayai dikarang pada tahun 1840-an. Pengiran Shahbandar Pengiran Mohd. Salleh mengarang syair ini semasa perjalanan pulang ke Brunei dari Mukah yakni tempat beliau membawa diri. Sesampainya ke Brunei dipersembahkannya kepada Sultan sebagai buah tangan.

Pengiran Muhammad Salleh atau nama sebenarnya Pengiran Syahbandar Pengiran Muhammad Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda diperkirakan hidup di antara abad ke-18 hingga abad ke-19. Beliau telah meninggalkan satu karya yang bersejarah yang diberi judul *Syair Rakis*. Walaupun tarikh sebenar karya ini ditulis belum dapat dipastikan dengan tepat, tetapi bahasa yang digunakan memperlihatkan perbezaan jika dibandingkan dengan bahasa yang digunakan oleh Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji. Bahasa yang digunakan dalam *Syair Rakis* ini lebih tersusun dan pengaruh bahasa Arab tidak begitu ketara. Hal ini dapat dilihat melalui petikan *Syair Rakis* seperti: "Bismillah itu mula karangan Kisah rancana dagang buangan Di gunung larangan asmara guna Segenap desa pantai saujana Membawa nasib untung sendiri Masuk segenap desa dan negeri Seperti burung lepas tangkapan Bunga dan buah tiada dimakan Sebut namaku dagang asmara Bercarai (bercerai) dengan sanak saudara Namaku Misa Panji Larangan Sudah sekarang buang-buangan" (Awang Hj. Mohd Jamil, 1983: 56).

Syair ini telah memperlihatkan pengurangan pengaruh kosa kata Arab dalam penghasilan karya ini. Jalan bahasanya juga mudah difahami dan tidak mengelirukan kerana ia sudah menuju ke arah jalan bahasa Melayu yang sebenar. Perkataan "rancana" dan "bercarai" yang terdapat dalam petikan di atas berlaku kemungkinan berpunca daripada masalah pentransliterasian daripada huruf Jawi ke huruf Rumi. *Syair Rakis* menimbulkan berbagai tafsiran oleh pengkaji sastera dan sejarah. Walaupun karya ini berbentuk lama iaitu syair tetapi isinya mempunyai wawasan dan pandangan terus terang yang sekali gus mencerminkan satu transisi kemodenan. Wawasan atau pandangan atau nasihat yang terdapat dalam syair terhadap bangsa sendiri termasuklah politik, ekonomi, pendidikan dan sosiobudaya Brunei.

Muhammad Ibrahim Munshi

Muhammad Ibrahim Munshi ialah anak Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. Muhammad Ibrahim melanjutkan cita-cita ayahnya iaitu telah menyusun nahu bahasa Melayu. Pada tahun 1878 M, beliau telah menghasilkan karya berjudul *Kitab Pemimpin Johor*. Buku ini adalah mengenai aturan bunyi bahasa Melayu, penggunaan perkataan dan jalan bahasa Melayu. Kandungan buku ini dapat dilihat dalam pernyataan daripada petikan ini: "Ada pun isi kitab ini menyatakan bahasa dan pancaindera pertuturan serta aturan huruf-huruf dan bunyinya serta gunanya dan perkataan dan perenggan kata di dalam surat-surat Melayu serta syarat-syarat dan huruf-huruf saksi dan gantinya dan petua mengeja dan hubungan huruf- huruf serta pangkat-pangkat bunyinya dan tabi'atnya serta beberapa jenis tanda-tanda yang patut dipakai , kerana belum ada, serta nama- namanya dan kuasanya dan gunanya dan bahasanya dan tempatnya serta sebab-sebabnya dan sebagainya dengan sempurnanya"(Skinner , C., 1959:41-42).

Walaupun beliau telah mendapat didikan Inggeris dan karyanya seperti buku *Kitab Pemimpin Johor* lebih bercirikan bahasa Inggeris, namun dari segi penggunaan bahasanya dilihat masih banyak dipengaruhi oleh struktur bahasa Arab dan sedaya- upaya mengelakkan penggunaan perkataan yang keinggerisan. Hal yang sama ini juga dapat dilihat dalam karyanya bertajuk *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* (1872 M). Perhatikan petikan kisah tersebut seperti "Shahdan setelah kami singgah di situ sejurus lamanya, dengan hairanku melihat hal sami-sami itu membaca-membaca dan sembahyang membawa perempuan-perempuan itu menyembah berhalanya itu, lepas seorang seorang, dengan terlalu hormat dan yakin mereka itu dan adalah pula di situ beberapa jirat-jirat mereka itu daripada batu jua" (Skinner, C.1959:43).

Perkataan membaca-membaca yang terdapat dalam petikan itu wujud kerana peraturan Arab yang menggandakan perkataan dalam tulisan Jawi yang menggandakan angka dua (2) dan tiada penggunaan tanda sempang di antara perkataan. Oleh itu, apabila melalui proses transliterasi ia menghasilkan perkataan seperti di atas walaupun cara menyebutnya dan maksudnya ialah membaca-baca. Pengaruh nahu Arab dalam proses penggandaan ini dapat dilihat juga pada perkataan lain

seperti dalam perkataan sami-sami, perempuan-perempuan, dan jirat-jirat. Pengaruh penggandaan bagi menjelaskan maksud jamak ini masih terbawa-bawa hingga hari ini walaupun terdapat segelintir ahli bahasa terdahulu yang menganggap penggandaan bagi maksud jamak dalam bahasa Melayu tidak berapa tepat.

Muhammad Ibrahim Munshi telah menubuhkan satu organisasi yang diberi nama Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa pada tahun 1888 M. Tujuan organisasi ini dibentuk adalah untuk mengkaji dan mempelajari bahasa Melayu supaya pengetahuan bahasa Melayu itu lebih mudah disebarkan kepada orang Melayu. Usaha utama organisasi ini ialah menterjemahkan istilah atau perkataan dariada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Antara perkataan yang dicipta oleh badan ini dan kekal hingga ke hari ini adalah sepertiset iausaha,pejabat, dankerjaraya. Kemudian, pada tahun 1934 M nama pertubuhan ini telah ditukar menjadi Pakatan Bahasa Melayu dan Persuratan Buku-buku Di-Raja dan dipimpin oleh Dato' Abdul Rahman bin Andak (Annas Haji Ahmad, 1982:214).

Syed Mahmud, Alang Ahmad dan Munshi Sulaiman

Perlu diingat selain tokoh yang disebutkan di atas, terdapat juga tiga orang pengembang bahasa Melayu iaitu Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir al-Hindi, Alang Ahmad bin Muhammad Yunus dan Munshi Sulaiman bin Muhammad Nur. Syed Mahmud terkenal kerana usahanya dalam menghasilkan buku ilmu pengetahuan. Beliau dilihat lebih cenderung ke arah ilmu bahasa. Buktinya, beliau berjaya menyusun Kamus Mahmudiyah (1894 M). Kamus ini kemudiannya di ulang cetak pada tahun 1925 M di Kota Bharu, Kelantan. Walaupun karyanya sekadar saduran ataupun terjemahan daripada bahasa Inggeris tetapi buku tersebut digunakan di sekolah Melayu pada masa itu. Manakala Alang Ahmad dikenali dengan karya terjemahan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu yang diberi judul Hikayat Penerang Hati iaitu hasil tulisan Aesop's Fables. Munshi Sulaiman pula lebih menjurus ke arah karya kumpulan bidalan dan teka-teki.

Munshi Muhammad Said

Beliau adalah pengarang pertama akhbar Jawi Peranakan, iaitu akhbar Melayu pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu pada tahun 1876 M. Isi kandungan akhbar ini berkaitan dengan berita dalam dan luar negeri, rencana berkenaan dengan nasihat dan juga iklan. Pada tahun 1880 M, untuk pertama kalinya terbit iklan yang berbunyi: "Hikayat Abdullah telah dicap semula oleh Asiatic Society, siapa yang berhajat memesannya boleh berhubung dengan pihak yang berkuasa Rumah Gambar Singapura" (Annas Haji Ahmad, 1982:218-219). Sejak kemunculan akhbar ini, ia telah merintis kemunculan pelbagai surat khabar sama ada yang diterbitkan di Singapura, di Pulau Pinang mahupun di Perak. Akhbar ini melanjutkan tradisi pengaruh Arab dalam bahasa Melayu dan sedikit demi sedikit perkataan dan istilah bahasa Inggeris mula diperkenalkan.

Sumbangan tokoh-tokoh Aceh:

- Sheikh Nuruddin Al-Raniri telah mengarang beberapa buah kitab. Antara karya beliau ialah *Sirat Al-Mustaqim*, iaitu kitab fiqh Melayu yang terawal, *Bustan Al-Salatin*, *Jawahir Al-Ulum*, *Lata'ifal Asrar*, *Syifa'* dan lain-lain.
- Shamsuddin Al-Sumaterani. Antara hasil karya beliau adalah *Syarah Ruba'l Hamzah Fansuri*, *Tanbihut- Tidlah* dan *Anwarud-Daqiq*.
- Abdul Rauf Singkel. Antara karya beliau ialah terjemahan kitab *Tafsir Al- Quran Al- Baidawi*,

Kifayatul- Muhtajin, Mir'at Al- Tullab, Hujjatul Balighah, Syamsul- Ma'rifah, Umdat Al- Muhtajin, Mamu'ul Masail dan lain-lain.


- Hamzah Fansuri terkenal dengan “*Gurindam dua belas*” dan syair sufi seperti “*Syair Perahu*”.

Sumbangan Johor-Riau

- **Sultan Abu Bakar Johor (1862-1895);** baginda dianggap bertanggungjawab membawa Johor ke era moden ialah Sultan Abu Bakar. Baginda memperkenalkan sebuah perlembagaan dan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan melalui *Hukum Kanun Johor* yang Johor mengandungi 66 Fasal dan mula dipraktikkan mulai dari Sultan Mahmud hingga Sultan Sulaiman. Kanun ini memaparkan undang-undang jenayah seperti membunuh, mencuri yang boleh berlaku di mana-mana, dan juga undang-undang mengenai tanaman dan binatang ternakan. Terdapat fasal-fasal khusus dalam Hukum Kanun Johor, seperti hukum mendapat gading dalam sesuatu tanah (fasal 37), undang-undang menyinding rusa (fasal 17), orang yang mengadakan kenduri jika mahu menjemput penghulu atau pegawai terpaksa menyertakan sirih (fasal 49), juga peraturan protokol ketika raja berangkat.

Selain itu, terdapat beberapa karya yang mengisahkan sejarah negeri Johor semenjak kejatuhan kerajaan Melaka kepada Portugis. Antara naskah berbentuk prosa ialah; *Hikayat Negeri Johor, Sejarah Peringatan Negeri Johor, Salasilah Melayu dan Bugis*. Manakala naskah yang berbentuk puisi (syair), antaranya *Syair Perang Johor* karya sastera sejarah yang menggunakan peperangan sebagai temanya.

- **Pegawai-pegawai pentadbir Johor;** Pada tahun 1888, Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak dengan kerjasama beberapa rakannya mengasaskan *Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa di Johor Bahru* dengan matlamat untuk menanam semangat belajar dan menulis bahasa Melayu di kalangan ahlinya. Pakatan ini berjaya menerbitkan buku karya Haji Said bin Sulaiman, *Hikayat Queen Victoria* (1904) dan *Hikayat Johor* (1908) serta karya Abdullah bin Rahman, *Matahari memancar* (1906). Kegiatan Pakatan ini pernah terhenti seketika apabila Abdul Rahman bin Andak dibersarakan pada 1909, kegiatan pakatan ini terhenti. Tahun 1934, pakatan ini dihidupkan kembali oleh Haji Mohd. Said bin Sulaiman dengan bantuan Dato' Awang bin Omar, Dato' Abdullah bin Abdul Rahman dan Mejar Musa bin Yusof dengan nama baru, iaitu *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor*. Pakatan ini dinaungi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Persatuan ini telah mengadakan kegiatan seperti menghasilkan buku, pembentukan istilah dan mengadakan majlis-majlis ceramah dan perbincangan. Turut dihasilkan ialah karya-karya terjemahan seperti terjemahan terhadap *Rubai Omar Khayyam*, antaranya untuk dideklamsi dan dibincangkan dalam pertemuan-pertemuan anjuran persatuan dan sebagainya. Muhammad Said bin Haji Sulaiman menghasilkan buku tatabahasa Melayu, iaitu *Penokok dan penambah dalam bahasa Melayu* (1939) dan *Jalan basa Melayu* (1953).




Sumbangan Johor semakin terserlah dengan kelahiran tokoh-tokoh intelektual Melayu berserta dengan hasil karya mereka. Antaranya termasuklah *Tuhfat Al-Nafis, Aturan Setia Melayu Bugis, Syair Maharaja Abu Bakar, Sejarah Tawarikh Johor* dan *Perundangan Johor*. Dari segi persuratan, beberapa karya lama telah disalin semula. Antaranya ialah *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu), Taj al-Salatin* oleh Bokhari al-Jauhari, *Undang-undang Johor, Hikayat Johor*, dan banyak lagi.

Sumbangan Tokoh Barat

Sumbangan penjajah barat atau tokoh barat dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu tidak dapat dinafikan. Menurut Ismail Hussein (1966), beberapa orang sarjana berbangsa Eropah seperti Hendrik Kern dan Vorn Heine-Geldern telah membuat penyiasatan tentang asal-usul bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu. Teori-teori yang mereka ramalkan itu adalah berdasarkan sisa-sisa kebudayaan tua yang ditinggalkan, misalnya kapak-kapak kuno. Beliang-segi-panjang, satu sisa daripada kebudayaan lama ini pernah dijumpai di lembah Sungai Hoang-Ho, Yangtse, Mekong, Salween, Irrawaddy dan Brahmaputra, juga didapati di seluruh Kepulauan Melayu. Kewujudan kapak-kapak ini membuktikan kewajaran asal-usul bahasa Melayu melalui jejak dan arah perjalanan dan pengembaraan orang-orang kuno itu. Kajian ini memberi makna yang besar kepada kita untuk mencari tanah asal bangsa Melayu.

Sumbangan penjajah barat dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu berlaku ketika zaman kegemilangan Eropah yang bertapak di Tanah Melayu sebagai penjajah. Dalam zaman Eropah ini, kita dapat lihat beberapa sifat tersendiri dalam perkembangan bahasa Melayu. Pada tahun 1511, Kerajaan Melayu Melaka telah jatuh ke tangan Portugis. Menurut Ismail Hussein (1966), orang-orang Portugis datang ke Asia pada akhir abad kelima belas membawa dua cita-cita yang bergelora: pertama untuk memerangi Islam dan kedua untuk merompak kekayaan alam Timur, terutama sekali perniagaan rempah di Kepulauan Melayu. Apabila orang-orang Eropah menempuh Lautan Kepulauan Melayu, buat pertama kalinya, bahasa Melayu sudah mempunyai tradisi sebagai bahasa perantaraan dan bahasa pemerintah selama lebih daripada delapan abad (Ismail Hussein, 1966:36). Kerajaan Melayu Melaka memang dikenali sebagai sebuah kerajaan yang terkenal pada waktu itu. Bahasa Melayu dijadikan bahasa utama atau bahasa pengantar bagi semua urusan yang dijalankan di Melaka seperti berdagang dan urusan pentadbiran.



Apabila Portugis tiba di Melaka, didapati bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang digunakan di situ. Hal ini menyebabkan penjajah barat mempelajari dan fasih berbahasa Melayu serta telah menjadi sumber kepada pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu. Terdapat pelbagai bukti yang dijumpai serta dapat membuktikan sumbangan atau tinggalan penjajah barat dalam perkembangan bahasa Melayu. Menurut Ph.S.V.Ronkel dalam Ismail Hussein (1966), bahasa Melayu ketika itu sudah mempunyai kedudukan yang luar biasa di tengah-tengah

bahasa daerah Kepulauan Melayu yang demikian banyaknya. Pada tahun 1521 buat pertama kalinya, kapal orang-orang Sepanyol telah dapat ke Tidore, iaitu salah sebuah Pulau Maluku. Kapal tersebut yang diketuai oleh Magellan adalah dalam pelayarannya mengelilingi dunia. Ketika kapal "Victoria" itu berlabuh di situ, seorang daripada ketua kelasinya bernama Pigafetta turun ke darat mempelajari bahasa perdagangan yang digunakan di daerah tersebut, iaitu bahasa Melayu, dan hasilnya tersusunlah sebuah daftar kata Itali-Melayu (Ismail Hussein, 1966:36). Beliau juga dikatakan seorang berbangsa Itali dari Vicenta yang telah menyusun daftar kata Melayu-Itali dalam tahun 1522 yang diperolehi melalui pelayarannya selama tiga tahun bersama-sama Ferdinand Magellan ke Kepulauan Filipina dan Maluku sekitar tahun 1519. Daftar kata Melayu sebanyak 400 perkataan merupakan kamus pertama Melayu-Itali yang diberikan nama *Vocaboli De Quedti Popoli Mori*.

Seorang lagi penjajah barat ialah Francois Valentyn. Valentyn merupakan seorang pendeta dan ahli sejarah berbangsa Belanda. Beliau telah menulis buku bertajuk *Oud en Nieuw Oostindien II Del V* pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18 tentang bahasa Melayu (A.Aziz Deraman dalam Darwis Harahap dan Abdul Jalil Hj. Anuar, 2000:3). Dalam buku tersebut, dinyatakan

bahawa bahasa Melayu telah terbukti berupaya bertindak sebagai alat komunikasi dan *lingua franca* yang penting di Melaka. Penulis enam jilidnya itu telah menerangkan tentang sejarah dan scenario kota pelabuhan di Kepulauan Melayu. Antara catatan tersebut ialah:

“Bahasa mereka, iaitu bahasa Melayu... bukan sahaja digunakan di pantai-pantai Tanah Melayu bahkan juga di seluruh India dan di negeri-negeri sebelah timur. Barang di mana-mana pun bahasa ini difahami oleh tiap-tiap orang. Bahasa ini adalah sebagai bahasa Perancis atau Latin di Eropah ataupun macam bahasa perantaraan di negeri Itali atau di Levent. Oleh kerana banyaknya bahasa ini digunakan maka seseorang yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu akan dapat difahami orang baik pun dalam negeri Parsi (Persia) ataupun Filipina.” (A.Aziz Deraman dalam Darwis Harahap dan Abdul Jalil Hj. Anuar, 2000:3).

Catatan di atas merupakan salah satu daripada catatan tentang kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu. Catatan tersebut juga merupakan salah satu sumbangan penjajah barat dalam pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu. Minat orang barat membuat kajian terhadap bahasa Melayu turut membantu pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu. Antaranya ialah Frederick de Houtman yang telah menyusun perkataan dan ayat bahasa Melayu Madagaskar. Bahan ini disusunnya semasa ia ditawan oleh pemerintah Aceh dalam tahun 1599-1602 M (Darwis Harahap, 1992:34). Menurut Darwis Harahap (1992), kamus ini pertama kali dicetak di Amsterdam pada tahun 1604 M dan dicetak semula pada tahun 1673 M. Buku ini dicetak lagi di Batavia (kini Jakarta) pada tahun 1707 M. Buku ini kemudiannya diterjemahkan oleh Gotardos Arthus pada tahun 1608 M. Buku ini dicetak untuk kali kedua pada tahun 1614 M, dan diterjemahkan pula ke dalam bahasa Inggeris oleh Augustine Spalding di London pada tahun 1624 M. Setelah beberapa pengubahsuaian dan penterjemahan dilakukan ke atas kamus ini, pada tahun 1708 M seorang pengkaji Barat, Petrus Van de Worm berpendapat bahawa kamus ini merupakan kamus Melayu-Belanda yang terbaik (Darwis Harahap, 1992:34). Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa penjajah barat memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu melalui karya-karya yang dihasilkan dengan menggunakan bahasa Melayu.

Orang barat juga berperanan dalam penggunaan dan penyebaran bahasa Melayu melalui kegiatan agama. Kegiatan dakwah oleh orang-orang Portugis adalah dalam memperjuangkan dan menyebarkan ajaran agama Kristian. Dalam penyebaran ajaran ini, orang-orang Portugis menentang agama Islam dan cuba menarik perhatian penduduk untuk mendalami ajaran Kristian. Persoalannya di sini, bahasa apakah yang digunakan oleh mereka dalam menyebarkan agama Kristian. Jika bahasa Portugis yang digunakan adalah mustahil mesej mereka akan difahami oleh penduduk setempat. Menurut Ismail Hussein (1966), untuk menarik penduduk asli supaya memeluk agama Kristian, Saint-Francis Xavier yang menentang Islam di Kepulauan Maluku dalam abad keenam belas, telah menuliskan keterangannya tentang kepercayaan Kristian dalam bahasa Melayu. Beliau bertindak begitu adalah kerana pendapatnya bahawa bahasa Melayu diketahui oleh semua orang. Oleh itu, jelaslah bahawa penjajah telah menggunakan bahasa Melayu dalam penyebaran agama mereka. Ini seterusnya menjurus kepada pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu oleh pihak penjajah.

Penjajah barat juga turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan pemerintahan atau bahasa politik. Pihak penjajah seperti Portugis menggunakan bahasa Melayu

sebagai bahasa pengantar dalam segala urusan termasuk urusan pentadbiran dan politik. Oleh itu, dapat kita lihat kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu. Sungguhpun orang-orang Portugis mencuba menaikkan bahasa mereka, tetapi dalam urusan pemerintahan, bahasa Melayu tetap digunakan dari timur hingga ke barat. Pada abad ke-16, raja-raja di daerah Maluku menulis surat kepada raja Portugis dengan menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dengan Raja Aceh dan pegawai-pegawainya yang menggunakan bahasa Melayu dalam segala hal seperti dalam surat kiriman kepada pemerintah luar, surat perjanjian atau surat kebenaran berniaga dan sebagainya (Ismail Hussein, 1966:38). Dalam hal ini, jelas bahawa pihak penjajah berperanan dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu. Bahasa Melayu memiliki kepentingan yang cukup dominan serta berperanan sebagai bahasa pengantar, pemerintahan dan politik semasa penjajahan barat di Kepulauan Melayu.

Pada abad ke-19, penjajahan Eropah ke Kepulauan Melayu semakin rancak. Di Singapura, Stamford Raffles merupakan penjajah barat yang telah melakukan pelbagai perubahan. Beliau juga merupakan seorang lagi penjajah barat yang berperanan secara tidak langsung dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu. Menurut Ismail Hussein (1966), Stamford Raffles mendirikan Raffles Institution di Singapura dan bercita-cita menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Di Indonesia pula, Gabenor Jeneral Rochussen telah mengelilingi Pulau Jawa pada tahun 1950. Beliau kemudiannya mengemukakan usul kepada Pemerintah Belanda untuk mendirikan sekolah-sekolah bagi bangsa bumiputera, dan mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah itu. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa Melayu penting dalam sistem pendidikan walaupun semasa penjajahan Barat.

Sebagai kesimpulannya, penjajah barat bukan sahaja menjajah kepulauan Melayu, malah secara tidak langsung mereka berperanan dalam pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu. Apa yang penting ialah penjajah Barat tidak menghapuskan bahasa Melayu sebaliknya telah menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan perdagangan dan penyebaran agama Kristian.



Senaraikan tokoh-tokoh barat yang menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu

Tokoh-tokoh bahasa Zaman Sebelum dan Selepas Merdeka

Perkembangan bahasa Melayu agak pantas pada awal abad ke-20. Walaupun begitu pada tahun 1900-an bahasa Melayu masih bertaraf bahasa vernakular. Bahasa Inggeris masih menjadi bahasa rasmi di Negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak), Pada tahun 1909 dan selepasnya di Negeri-negeri Melayu yang tidak Bersekutu (Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis). Penubuhan SITC



pada 1922 hingga 1941, iaitu zaman sebelum pendudukan Jepun 1942 telah melahirkan tokoh-tokoh persuratan Melayu. Dalam zaman ini beberapa tokoh seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Abdul Hadi Haji Hassan, Buyong Adil, Harun Mohd. Amin (Harun Aminurrasyid), Ibrahim Dato' Muda Linggi dan beberapa orang lagi telah memberi sumbangan yang besar dalam sejarah perkembangan bahasa

Melayu. Mereka ini telah banyak menghasilkan karya dalam bahasa Melayu seperti Pelita Bahasa Melayu (3 Jilid) dan Ilmu Mengarang Melayu yang dikarang dan disusun oleh Za'ba. Buku ini menjadi buku rujukan utama untuk tatabahasa Melayu dari tahun 1940 hingga 1980-an. Za'ba telah mengetuai Pejabat Karang Mengarang. Melalui Pejabat Karang Mengarang ini juga lahir beberapa siri penerbitan buku teks bagi The Malay School Series. Antara hasil penerbitan zaman ini ialah Pelita Bahasa Melayu (3 Jilid:tatabahasa), Ilmu Mengarang Melayu (penulisan), Ilmu Hayat (tentang Biologi) dan Kitab Hisab (Matematik).

Perkembangan kesusasteraan Melayu juga agak pesat, kritik sosial dan kesedaran kemerdekaan dipancarkan melalui karya sastera. Ketika ini muncul nama-nama penulis yang terkenal seperti Abdul Rahim Kajai, Harun Aminurrasyid, Syed Syeikh al-Hadi, terkenal dengan novel Faridah Hanumnya dan ramai lagi. Kegiatan persuratan Melayu menjadi lebih terserlah apabila pada 1934 sebuah persatuan persuratan Melayu yang dinamakan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) yang dianggotai oleh penulis-penulis dari Tanah Melayu, termasuk Singapura dan Brunei. Persatuan bergiat aktif dan berjaya menerbitkan majalah seperti Suara Pena (1938), Pancaran Pena (1939) dan Taman Paspam (1940). Pada 1939 sebuah syarikat yang dikenal masebagai Syarikat Utusan Melayu telah menerbitkan Utusan Melayu, Utusan Zaman, Mastika, dan hari ini terus menjadi penerbit akhbar Melayu yang besar sampai dengan terus menerbitkan Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Wanita, Utusan Pelajar dan lain-lain hingga hari ini

Pada era 50-an sebuah persatuan penulis yang terkenal telah ditubuhkan di Singapura, iaitu Angkatan Sasterawan '50 atau singkatannya ASAS '50. ASAS '50 terlibat secara langsung dalam pengendalian Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Antara penulis-penulis ASAS '50 yang terkenal seperti Tongkat Warrant (Dato' Usman Awang), Tan Sri Abdul Samad Ismail, Keris Mas (Kamaluddin Muhamad), Asraf Haji Abdul Wahab, Dato' A. Samad Said, Mohd Ariff Ahmad, Hamzah Hussein, Suratman Markasan, Masuri S.N., Awam-il-Sarkam, dan Abdul Ghani Hamid dan ramai lagi. Persatuan ini masih wujud lagi tetapi hanya terbatas di Singapura sahaja.

Perkembangan Kesusasteraan Melayu

Perkembangan sesuatu bahasa dapat dilihat melalui perkembangan kesusasteraan. Bahasa dan sastera berkembang seiring dan tidak dapat dipisahkan daripada kegiatan intelek manusia. Kesusasteraan sesuatu bangsa itu wujud dan berkembang maju akan menepati erti kata sebenar semenjak bangsa itu mengenal dan pandai dalam ilmu tulisan. Namun, lazimnya sebelum wujud sistem tulisan, bahasa lisan yang berunsur sastera telah wujud yang diadaptasikan sebagai perkembangan kesusasteraan tahap pertama. Sebelum orang-orang Melayu pada zaman dahulumengetahui huruf, mereka mempunyai pengertian tentang sastera dalam kehidupan seharian dengan menggunakan pelbagai gubahan bahasa yang berunsur kesusasteraan.

Gubahan-gubahan bahasa ini tersusun dengan perkataan-perkataan yang mengikut bentuk. Terdapat dua bentuk sastera peringkat awal iaitu prosa dan puisi. Contoh kesusasteraan yang berbentuk prosa ialah cerita mitos, legenda, dan cerita rakyat. Manakala sastera lisan berbentuk puisi pula termasuklah pantun, gurindam, seloka, mantera, talibun, dan nyanyian rakyat.

Dari sudut yang lain, pada zaman dahulu terdapat kelompok masyarakat yang kuat mempercayai kepercayaan karut seperti hantu, jin, jembalang, dan sebagainya. Mereka percaya bahawa setiap benda yang wujud di atas muka bumi ini mempunyai penunggu. Oleh itu, antara orang yang berpengaruh pada zaman dahulu ialah pawang. Pawang tersebut akan melaksanakan kuasa ajaib ilmu mereka dengan jampi serapah atau mantera yang disalurkan dengan perkataan tertentu. Perkataan yang digunakan inilah yang mengandungi unsur-unsur gurindam, pepatah dan sebagainya.

Tahap kedua dalam sejarah kesusasteraan ialah tahap sastera tulisan. Menurut para sarjana, mengatakan Melayu pada zaman purba mempunyai huruf tertua yang menyerupai bentuk-bentuk huruf Rencong, Kawi, dan Lampung. Mereka mengatakan huruf-huruf tersebut telah digunakan oleh orang-orang Kemboja pada zaman purba. Huruf Rencong, iaitu tulisan Melayu yang lazim digunakan Sumatera Selatan (Bangkahulu dan Palembang sebelah hulu).

Kesusasteraan Melayu dalam bentuk tulisan muncul pada zaman pra-Islam berdasarkan pada catatan pada prasasti tinggalan kerajaan Sriwijaya. Berdasarkan tinggalan tersebut, pertembungan budaya Melayu primitif dengan budaya Hindu dikatakan bermula semenjak kurun pertama Masihi lagi. Hal ini telah memungkinkan pengaruh budaya dari benua India itu menular ke dalam dunia sastera Melayu. Budaya Hindu membawa bersama-sama tulisan Palava dan bahasa Sanskrit. Persuratan Melayu dapat dibaca terutamanya dalam bentuk catatan-catatan prasasti kedukan bukit (683 Masihi), prasasti Talang Tuwo (684 Masihi), dan prasasti Kota Kapur (686 Masihi).

Pada sekitar abad ke-11 Masihi, kedatangan Islam ke Tanah Melayu membawa bersama-sama tulisan Jawi. Tulisan Jawi ini ditulis di atas kulit-kulit kayu, di atas kepingan logam atau di atas batu yang sekarang digelar *Batu Bersurat*. Salah satu contoh tulisan tua yang menarik ada pada sebatang tiang batu yang telah dijumpai Kota Kapur kira-kira dalam tahun 1892. Apa yang menarik pada batu tersebut ialah susunan kata-kata yang tertulis yang mengandungi unsur-unsur bahasa Melayu purba. Selain itu, huruf tulisan lama Melayu juga terdapat di sebuah batu nisan tua iaitu bertarikh kira-kira 1380 Masihi di Minye Tujuh, Aceh. Batu Nisan ini menarik apabila mengandungi kata-kata bentuk syair. Hal ini dapat membuktikan perkembangan bahasa selaras dengan kewujudan kesusasteraan.

Bahasa Melayu sebelumnya digunakan secara terhad telah diangkat menjadi bahasa *lingua franca* dan menjadi bahasa penyebaran ilmu. Seluruh bidang keilmuan terutama yang menyentuh hal-hal keagamaan telah ditulis dan disebar menggunakan bahasa Melayu. Sistem tulisan Jawi telah mengambil alih tulisan Pallava dan kosa kata Arab dan Parsi mulai menggantikan kosa kata Sanskrit. Peralihan inilah memulakan peringkat kedua dalam tahap Kesusasteraan Melayu Tradisional, iaitu pada zaman Islam. Penghasilan karya kesusasteraan Melayu bercorak Islam secara bertulis menjadi semakin pesat dan berkembang luas. Kemuncak perkembangan kesusasteraan ini ialah dengan kemunculan kitab-kitab sastera sejarah, kitab tasawuf, kitab ketatanegaraan, dan kitab undang-undang.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)



Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba dilahirkan pada tahun 1895 di Bukit Kampung Kerdas, Jempol, Kuala Pilah. Beliau terima pendidikan formal dan keagamaannya di sebuah sekolah Melayu di Linggi. Beliau menyambung pembelajarannya di Institusi St. Paul Seremban dan orang Melayu pertama lulus dengan cemerlang peperiksaan Senior Cambridge Examination. Beliau lulus peperiksaan pada 1915 dan bermula kariernya sebagai guru sekolah di Johor Bahru (1916 - 1918). Beliau kemudiannya ditukarkan ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (1918 - 1923); Jabatan Pendidikan, Kuala Lumpur (1923); Sultan Idris Guru-guru Kolej, Tanjong Malim (1924 - 1939); Jabatan Maklumat, Singapura (1939 - 1942); Sekolah yang Oriental dan Kajian-kajian Afrika, Universiti London (1947 - 1951) dan Universiti Malaya, Singapura (1954 - 1959).

Za'ba mempunyai otak yang bergeliga dan minat pelbagai. Beliau memiliki bakat dalam penulisan dan adalah seorang pemikir dan pengemar membaca. Beliau pengarang prolific sejak usia 19 tahun. Kebanyakan penulisannya muncul dalam akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah seperti di Utusan Melayu; Lembaga Melayu; Pangasuh dan Pakar Majalah. Beliau telah menerbitkan beberapa

monographic siri dalam Bahasa Melayu termasuk Bahasa Pelita popular Malay dan Malay Ilmu Mengarang. Orang cuma mengaitkan jasa Za'ba dengan ilmu bahasa dan persuratan Melayu. Tetapi sumbangannya juga besar dalam meniup pembaharuan sikap dan pengertian dalam Islam. Di samping itu sumbangannya dalam politik tidak juga harus dilupakan. Beliau antara aktivi dan pemikir yang menghimpun pertubuhan-pertubuhan Melayu pada tahun 1946 di Kuala Lumpur untuk bersatu menubuhkan UMNO dan memperjuangkan kepentingan orang Melayu yang lebih adil. Beliau amat kena pada tempatnya diberi gelaran patriot dan pendeta. Za'ba yang meninggal dunia pada 1973 dan merupakan salah satu budak lelaki kampung yang berjaya meletakkan dirinya sebagai seorang yang terkemuka muncul dalam sejarah Malaysia.

Asmah Haji Omar

Dato' Prof. Dr. Hjh Asmah Hj. Omar dilahirkan di Jitra pada 5 Mac 1940 dari sebuah keluarga yang berpendidikan tinggi. Pendidikan awal dan menengahnya bermula di Kedah. Beliau meneruskan pengajiannya di Universitas Indonesia dan memperoleh Sarjana Muda dan Sarjana Sastera. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya hingga mendapat Ijazah Kedoktoran dari University of London dalam bidang 'General Linguistics'. Pada tahun 2000, Dato' Prof. Dr. Hjh Asmah menerima anugerah gelaran Doktor Persuratan (D. Litt) dari Universiti Malaya kerana sumbangannya yang amat besar dalam bidang keserjanaan ilmu linguistik di Malaysia. Beliau merupakan pakar nahu Bahasa Melayu dan tokoh terkenal dalam bidang perancangan bahasa. Beliau juga Profesor Kerusi Tamadun Melayu Za'ba dan Pengarah Institut Tamadun Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.^[1] Sebelum itu, Asmah ialah ahli akademik Universiti Malaya dari tahun 1963 sehingga persaraannya sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya.^[2] Di samping itu, beliau juga pernah menyandang jawatan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik serta merupakan anggota Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu.



Asmah juga pernah mengetuai pasukan penyelidikan untuk dua siri rancangan *Jejak Bahasa*, penerbitan televisyen bersama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan TV3. Kerjaya bidang penulisan, selain daripada kerjayanya sebagai ahli akademik, Asmah juga terkenal sebagai penulis prolific dalam bidang tatabahasa Melayu dan perancangan bahasa Melayu. Penyelidikan utamanya termasuk:

- huraian bahasa-bahasa Aslian, khususnya bahasa Kentakbong (Baling, Kedah) dan bahasa Mah Meri (Sepang, Selangor);
- sosiolinguistik, etnolinguistik, dan linguistik sejarah Dunia Melayu. Bagaimanapun, bidang penyelidikannya tidak terhad kepada Semenanjung Malaysia. Asmah juga menjalankan banyak penyelidikan tentang bahasa-bahasa orang asli di Sabah dan Sarawak. Beliau telah menerbitkan banyak makalah tentang bahasa-bahasa tersebut tetapi dua pencapaiannya yang terutama daripada segi ini merupakan:
 - *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description* (Bahasa Iban Sarawak: Huraian Kenahuan), sebuah tesis kedoktoran yang diserahkan kepada University of London pada tahun 1969 dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981; dan
 - *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages* (Orang Melayu Malaysia dan Bahasa-bahasanya).

Antara karyanya:

- 1975: *Essays on Malaysian Linguistics*
- 1976: *The Teaching of Bahasa Malaysia in the Context of National Language Planning*
- 1978: Pengajian Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Malaysia

- 1978: Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia
- 1980: Nahu Melayu Mutakhir
- 1981: *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description*
- 1982: *Language and Society in Malaysia*
- 1983: *The Malay peoples of Malaysia and their Languages*
- 1983: Bahasa Surat Rasmi: Bahasa Dalam Komunikasi
- 1984: Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik
- 1985: Bahasa Borang: Bahasa Dalam Komunika
- 1985: Bahasa Diraja
- 1986: Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu
- 1986: Susur Galur Bahasa Melayu
- 1987: Bahasa Malaysia Saintifik

Di samping itu, Dato' Prof. Dr. Hjh Asmah Hj. Omar telah menghasilkan 45 buah buku akademik berkenaan linguistik yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Malaya dan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Beliau turut menterjemah kamus Bahasa Inggeris 'Oxford Advanced Learners Dictionary' ke dalam Bahasa Melayu yang mengambil masa lima tahun. Beliau juga merupakan penyumbang rencana akademik tempatan dan antarabangsa yang tidak jemu-jemu melontarkan pendapat dan interpretasinya terhadap permasalahan ilmu linguistik. Selain itu, beliau juga menjalankan penyelidikan secara bersendirian dan bersama, antaranya termasuklah "University of Malaya English for Special Purpose Project" (Universiti Malaya dan Thomas Nelson Inc.), 'CICHE ELT 308 Academic Writing and Teaching Package Project', 'University of Malaya Spoken English Project (UMSEP) dari tahun 1980 sehingga 1983 dan Projek 'Culturally Conditioned Models of Conflict and Conflict Resolution, Malaysia-Sweden' (University of Goteborg) dari tahun 1989 hingga tahun 1994.

Sebagai mengenang sumbangan dan jasa baktinya, beliau telah dianugerahkan Ahli Mangku Negara (A.M.N.) pada tahun 1973, Setia DiRaja Kedah (S.D.K.) pada tahun 1979, Dato' Setia DiRaja Kedah (D.S.D.K.) pada tahun 1983, Anugerah ASANAL pada tahun 1979, 'Orde Des Palmas Academique Perancis' pada tahun 1989, GRATA HOME NAGEM' Institute Portugese Do Oriente, Macau pada tahun 1990, 'Boss of The Year' dari Persatuan Setiausaha Malaysia sesi 1992/1993, Piagam Penghargaan MABBIM Indonesia pada tahun 1993, Sijil Penghargaan Menteri Pendidikan Malaysia kerana memperkembangkan MABIM dan MABBIM pada tahun 1995, Anugerah Bahasa Raja Nazrin Shah Yang Pertama daripada Persatuan Bahasa Moden pada 1996, Anugerah 'Women of The Year 1998' daripada American Biographical Institute dan Anugerah '20th CAA Silver Medal of Honor' daripada International Biographical Center pada tahun 1999.

Nik Safiah Karim



Lahir pada 17 Disember 1939 di Kampong Banggol, Kota Bharu, Kelantan. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Inggeris Perempuan Kota Bharu (sekarang Sekolah Rendah Zainab), dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Perempuan Melayu, Jalan Damansara, Kuala Lumpur (sekarang Kolej Tunku Kurshiah, Seremban) sehingga tamat Scholl Certificate. Setelah lulus Higher School Certificate pada tahun 1959 di St. Francis Institution, Melaka, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya sehingga memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian dalam bidang Linguistik (1965). Pada tahun 1975, beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik dari Ohio University,

USA. Kerjaya akademiknya bermula sebagai tutor di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 1963, diikuti dengan jawatan pensyarah dan professor madya juga di Jabatan yang sama. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Professor Pengajian Melayu. Pada tahun 2002, setelah bersara, beliau diberi penghormatan oleh Universiti Melayu melalui pelantikan sebagai Professor Emeritus. Dalam pentadbiran, beliau telah dilantik ke beberapa jawatan, antaranya Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebanyak dua kali (1982-1983 dan 1992-1994), Ketua Jabatan Pengajian Melayu (1984-1986) dan Pengarah pertama Akademi Pengajian Melayu (1990-1992). Pada tahun 1989 hingga 1990, beliau dipinjamkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Timbalan Ketua Pengarah. Beliau telah bersara wajib dari Universiti Malaya pada bulan Disember 1994 tetapi telah disambung secara kontrak dengan memegang Kursi Pengajian Melayu sehingga Disember 1999. Beliau seterusnya diiktiraf sebagai Professor Adjung sehingga akhir tahun 2000. Beliau amat aktif dalam badan-badan professional.

Nik Safiah Karim jadi pakar bahasa Melayu walaupun mendapat pendidikan Inggeris sepanjang zaman persekolahan. Berbicara mengenai tokoh bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, tidak banyak yang perlu diulas, kerana masyarakat umum sudah tahu dirinya, kelebihan, semangatnya dalam memperjuangkan bahasa. Soal sumbangannya dalam bidang bahasa tidak perlu dipersoalkan kerana anugerah sebagai Profesor Emeritus oleh Universiti Malaya (UM) serta anugerah Pingat Emas Tun Fatimah yang disampaikan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah pada 2002 sudah menggambarkan segala-galanya. Jika dihitung anugerah atau pencapaian dirinya, terlalu banyak yang boleh dihuraikan, hinggakan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA) mengeluarkan sebuah buku mengenai hidupnya berjudul „Nik Safiah Karim - Meniti Dua Za man“ hasil tulisan Nurhafilah Musa. Cuma mungkin ramai yang tidak mengetahui, tokoh wanita berusia 68 tahun ini sebenarnya tidak pernah mengikuti pengajian di sekolah Melayu dan mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sepanjang zaman persekolahannya sehingga ke peringkat universiti. Bagaimana ini boleh berlaku sedangkan beliau adalah pakar bahasa. Inilah suatu yang menarik untuk dikongsi mengenai kelebihan yang dimiliki anak bongsu daripada lima beradik dan kini bergelar nenek kepada 11 cucu. Beliau sebenarnya hidup di dua zaman, dilahirkan sebelum merdeka, membesar dan menyumbang dalam zaman selepas merdeka dan kini menikmati hidup selepas 51 tahun negara merdeka.

Pada usia kanak-kanak, beliau cukup bertuah kerana dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan pendidikan tanpa mengira jantina. Ketika itu, anak perempuan tidak begitu digalakkan ke sekolah dan dianggap cuma layak berada di dapur. Namun, bapanya, Abdul Karim Abdul Malek iaitu anak seorang ulama tersohor Kelantan dikenali sebagai Tok Malek Sungai Pinang yang berkahwin dengan seorang lagi anak ulama, Haji Che We (Ismail), Nik Mas (Ibu Nik Safiah) memang dikenali sebagai seorang yang mementingkan pendidikan. Ketika kecil, Nik Safiah sering menghabiskan masa di rumah membaca buku koleksi bapanya dalam bahasa rumi dan jawi. Sebagai anak bongsu, beliau sering ditinggalkan abang-abangnya dan dibiarkan bermain sendirian di rumah dan buku menjadi teman hidupnya. Ringkasnya, beliau dihantar ke Sekolah Inggeris Perempuan Kerajaan (GGES) di Kota Bharu, Kelantan untuk mendapat pendidikan Inggeris pada 1948 sebelum melanjutkan pelajaran ke Kolej Perempuan Melayu (MGC), Kuala Lumpur pada 1953. Kemasukannya ke MGC adalah pilihan guru besar sekolah rendah, Miss Leicester yang memilihnya sebagai calon tunggal murid perempuan Kelantan untuk dihantar ke sana yang ketika itu terletak di Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke Negeri Sembilan dan dikenali sebagai Kolej Tunku Kursiah (TKC). Sepanjang tempoh itu, bekas gurunya itu sentiasa memantau dan bertanyakan perkembangan dan kemajuannya di MGC sehingga menduduki peperiksaan Sijil Sekolah Cambridge pada 1957. Ketika di MGC, beliau mula menulis puisi dalam Bahasa Inggeris yang tersiar dalam majalah sekolah yang memperlihatkan kecenderungannya terhadap bahasa melalui penulisan.

Setahun kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam di St Francis Institution, Melaka sebelum menjadi guru sementara di Sekolah Inggeris Redang, Kampung Banggol. Sepanjang

tempoh itu hingga melanjutkan pelajaran di UM pada 1960, beliau tidak pernah mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi mengikutikesusasteraan Inggeris. “Memang ini berlaku dalam sejarah pendidikan saya yang tak pernah ke sekolah Melayu. Ketika di Tingkatan Enam, sekolah itu tidak menyediakan mata pelajaran Bahasa Melayu. Sekolah itu hanya tawarkan mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sastera Inggeris, Ekonomi, Sejarah dan Geografi. “A pa bila masuk universiti, barulah saya mengambil kursus Pengajian Melayu tetapi saya sebenarnya mengikuti pengajian ekonomi. Pada tahun kedua dan ketiga, barulah saya membuat pengkhususan dalam Bahasa Melayu. “Memang agak pelik kerana saya cukup berminat dengan Bahasa Melayu walaupun tak pernah belajar pada peringkat sekolah. Alhamdulillah, saya boleh lulus dengan baik dan mampu menjadi pakar dalam bidangnya,” katanya.

Persoalannya ialah bagaimana keadaan ini boleh berlaku kerana beliau mempunyai latar belakang pendidikan Inggeris dan banyak didedahkan buku tulisan karyawan Inggeris seperti Shakespeare, Wordsworth dan Keats. Jelasnya, ketika di sekolah menengah, beliau dididik seorang guru sastera Inggeris yang sangat pandai mengajar dan pendedahan itu ditambah lagi dengan kehadiran seorang lagi guru drama Inggeris. “Cantuman guru sastera dan drama Inggeris itu dapat memupuk keupayaan mengungkap mengenai sastera dalam Bahasa Inggeris. Saya menjadi pandai melalui bahasa, apabila belajar Bahasa Inggeris, saya juga tertarik dengan Bahasa Melayu. “Mata pelajaran pengajian Melayu adalah ilmu linguistik yang amat teknikal tetapi boleh dipelajari melalui buku. Walaupun saya tidak mendapat pendedahan sebelumnya, saya anggap ia sebagai ilmu baru yang sangat menarik. “Sebab itulah saya katakan, jika hendak belajar bahasa, kena belajar sastera tanpa mengira bahasa apa pun. Saya terdedah kepada sastera Inggeris tetapi dapat belajar dan menghayati sastera Melayu. Konsepnya hampir sama dan ramai orang tidak faham mengenai halini. “Sastera ialah kelahiran buah fikiran dan perasaan melalui rasa, kalau tak pandai bahasa, kita tak boleh hasilkan bahan sastera yang baik,” katanya.

Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim merupakan antara tokoh dan cendekiawan tanahair yang aktif memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu. Dedikasi beliau yang tidak boleh dinafikan menjadikannya disegani ramai dan menjai idola kepada anak-anak muda di institusi pengajian tinggi yang mengikuti bidang linguistik dan sastera. Namun selain perjuangan linguistik ini, beliau juga gigih memperjuangkan kedudukan serta kebajikan kaum wanita tanahair. Antara sumbangan beliau dapat dilihat dari jawatan yang beliau sandang, antaranya Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebanyak dua kali iaitu di antara 1982 sehingga 1983 dan 1992 sehingga 1994, Ketua Jabatan Pengajian Melayu dari tahun 1984 sehingga 1986 dan Pengarah pertama Akademi Pengajian Melayu dari tahun 1990 sehingga 1992.

Sementara di antara tahun 1989 hingga 1990, beliau telah dipinjamkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Timbalan Ketua Pengarah. Di sini beliau terus menabur berbakti dalam perjuangan mengutuhkannya bahasa Melayu bukan sahaja di tanahair tetapi juga di seluruh dunia. Ini dilihat dari perlantikan beliau selama 14 tahun dalam Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) yang mewakili Malaysia di pertemuan Majlis Bahasa Melayu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (MABBIM). Selain itu beliau merupakan ahli jemputan dalam Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM).

Kepakaran beliau telah menjadikan beliau pakar rujuk bahasa yang sering dijemput. Beliau ada memberi khidmat kepada Kementerian Pelajaran Singapura dan Kementerian Pelajaran Brunei Darussalam. Memandangkan kegigihan beliau ini maka tidaklah beliau adalah salah seorang pengasas Persatuan Linguistik Malaysia dan pernah menjadi Presiden selama 18 tahun. Kini beliau menjadi penasihat persatuan tersebut.

Dalam pergerakan wanita, menurut Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, penglibatan beliau dalam pergerakan wanita bukanlah sesuatu yang baru baginya. Kakak-kakaknya giat aktif dalam pergerakan Women’s Institute (WI) di Kelantan. Walaupun beliau bukan ahli persatuan tersebut, beliau sering membantu mereka dalam kegiatan mereka. Di sini beliau mendapat pendedahan awal kepada

perjuangan wanita. Beliau telah mengasaskan dua buah persatuan wanita., iaitu PERTIWI (Pertubuhan Tindakan Wanita Islam) dan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia PERTIWI telah ditubuhkan pada 1967 sebagai sebuah pertubuhan berorientasikan projek di mana pelbagai aktiviti kemasyarakatan, keagamaan dan kebajikan berteraskan pendidikan. Program-program PERTIWI disasarkan bagi wanita dan kanak-kanak terutamanya di kawasan pendalaman. Datuk Dr Nik kini menjadi Ketua I dalam Jawatankuasa Induk. Beliau mengalu-alukan wanita muda Islam menyertai PERTIWI dan bersama PERTIWI menjalankan kerja-kerja amal mereka.

Sewaktu menceritakan pengalaman bersama PERTIWI, beliau menekankan bahawa asas pendidikan merupakan teras utama perjuangan PERTIWI. Pada awal 1970-an, PERTIWI telah menjalankan projek anak angkat bagi menyediakan bantuan kewangan kepada para pelajar tanpa mengira bangsa dari keluarga miskin. Pengurusan projek ini melibatkan pihak sekolah. Ini kerana kewangan yang diperuntukan akan diuruskan oleh Guru Besar sekolah bagi pelajar terpilih. Guru Besar dipertanggungjawabkan untuk membuka buku simpanan bank dan menyimpan buku tersebut bagi mengeluarkan kewangan yang perlu. Sumber kewangan diterima daripada sumbangan orang ramai dan dibahagikan mengikut purata RM40 setahun bagi pelajar di peringkat sekolah rendah dan RM60 setahun bagi pelajar di peringkat sekolah menengah. Menurut Datuk Dr Nik, antara penderma adalah Datuk Musa Hitam yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan Syarikat Kentucky Fried Chicken.

Selain itu, PERTIWI juga membawa anak-anak angkat ini ke Kuala Lumpur dalam lawatan sambil belajar serta memotivasikan anak-anak ini untuk mencapai kecemerlangan. Anak-anak angkat ini juga berkesempatan bertemu penganjur mereka. Melalui proses ini, anak-anak mengetahui bagaimana merancang pendidikan mereka di samping bercuti semasa cuti sekolah. Menurut Datuk Dr Nik, situasi hari ini sudah bertukar dan kini juga sudah banyak biasiswa dan bantuan kewangan bagi anak-anak dari keluarga miskin yang dihulurkan oleh pelbagai pihak. Ini amat membantu anak-anak dari keluarga miskin untuk mendapat pendidikan.

Antara aktiviti PERTIWI yang lain adalah mengadakan klinik sehari di kawasan luar bandar bagi kawasan yang tidak mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan. Ini kerana masyarakat bertanggungjawab bahawa terlalu banyak masa terbuang dan amat leceh untuk pergi ke pusat kesihatan untuk menerima rawatan. Atas faktor ini dan lain-lain faktor sosial lain, rancangan klinik sehari ini diilhamkan bagi membantu mereka di kawasan pendalaman bagi menerima perhatian kesihatan. Dengan itu, Pertiwi bekerja bersama pihak Penghulu, doktor-doktor tempatan dan persatuan tempatan untuk mendapatkan tenaga kepakaran dan sukarelawan. PERTIWI bertanggungjawab mencari bantuan kewangan untuk mendapatkan bekalan perubatan dan makanan. Pihak doktor dan jururawat pula memberi perkhidmatan secara sukarela.

Antara peristiwa yang tidak dapat Datuk Dr Nik lupakan adalah sesuatu yang berlaku lebih lima tahun dahulu. Ketika itu seorang doktor mata mendapat tahu aktiviti PERTIWI akan melibatkan kampung beliau. Beliau amat terkilan telah bersama secara sukarela dalam aktiviti tersebut. Sewaktu menjalankan klinik sehari tersebut beliau dapati bahawa ramai mempunyai masalah penglihatan samada rabun jauh maupun rabun dekat. Maka secara spontan dana dikumpulkan untuk mendapatkan kaca mata bagi penduduk desa yang memerlukan. Menurut beliau, kegembiraan yang tertera di air muka penduduk terutamanya dari golongan tua yang sebelum itu rabun dan telah boleh lihat dengan jelas tidak dapat dilupakan.

Pada tahun 1978 beliau telah dilantik ke majlis Penasihat Kebangsaan bagi Mengintegrasikan Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), sebuah badan penasihat tertinggi bagi menasihati kerajaan tentang hal ehwal wanita. Perlantikan ini adalah setelah pulangnya beliau dari melanjutkan pendidikan di USA. Setelah penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita (kini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat), nama badan tersebut telah diubah kepada Majlis Penasihat Wanita Negara. Beliau sehingga kini memegang tanggungjawab sebagai Pengerusi Majlis. Beliau juga giat dalam Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) dalam pelbagai aktiviti. Kini beliau

merupakan pengerusi bersama Suruhanjawa Undang-undang dan Hak Asasi Manusi bersama Puan F.R. Bhupalan.

Pengiktirafan dan anugerah yang diterimanya, daripada kegigihan Datuk Dr. Nik yang tidak pernah mengira penat amatlah disegani ramai. Atas jasa dan sumbangannya, beliau telah diberikan anugerah dan bintang. Pada tahun 1989 beliau dikurniakan pingat Kesatria Mangku Negara (KMN). Seterusnya pada tahun 1995 beliau menerima kurniaan Johan Mangku Negara (JMN). Manakala pada tahun 1997 beliau telah dikurniakan Johan Panglima Negara (JPN) yang membawa gelaran Datuk.

Beliau juga telah menerima Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon bagi kecemerlangan dalam bidang pendidikan sebagai Ibu Ilmuwan pada 1995. Kecemerlangan yang berjaya dicapai juga menjadi kebanggaan sekolah beliau. Dalam Perayaan sempena 50 Tahun Maktab Perempuan Melayu/Kolej Tunku Kurshiah pada 1997 beliau telah dianugerahkan wanita cemerlang. Sumbangan dalam bidang bahasa juga diiktiraf dengan anugerah Tokoh Ilmuwan Bahasa dan Pingat Emas Tun Fatimah pada tahun 2001. Beliau juga diiktirafkan oleh pihak Universiti dengan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2003. Tambahan pula setelah beliau bersara, Universiti Melayu memberi penghormatan melalui pelantikan beliau sebagai Professor Emeritus pada 2002.

Dalam bidang penulisan, Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim juga telah banyak menyumbang dalam bentuk penulisan dan penyertaan dalam persidangan samada mengenai isu wanita maupun isu bahasa. Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku tentang pengajian wanita dan pada masa kini menjadi pensyarah sambilan di Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya. Sejak kebelakangan ini, beliau telah berganding bahu bersama Dr. Rokiah Talib dalam penulisan biografi wanita tanahair. Tindakan ini amat bermakna kerana merupakan satu inisiatif wanita menulis mengenai sumbangan wanita. Beliau juga telah menghasilkan belasan buah buku dan ratusan makalah mengenai isu bahasa. Antara buku yang terkenal ialah Tatabahasa Dewan (yang ditulis bersama tiga orang ahli bahasa yang lain), Bahasa Malaysia Syntax, Beberapa persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu dan Malay Grammar for Academics and Professionals.



Sumbangan Za'ba amat penting dalam perkembangan bahasa Melayu. Bincangkan

Peranan Golongan Wartawan dan Media Massa

Golongan wartawan dan media massa turut menyumbang mengembang dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu. Saluran media massa sama ada media cetak atau elektronik mampu mempengaruhi pertumbuhan serta penyebaran bahasa Melayu. Golongan wartawan yang mempunyai ruang yang luas untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat, secara tidak langsung dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul dapat meningkatkan pertumbuhan bahasa Melayu. Selain daripada berperanan menyampaikan maklumat, penggunaan bahasa Melayu yang baik oleh wartawan dan semua stesen penyiaran sama ada radio ataupun televisyen, usaha ini dapat membantu usaha pemantapan bahasa kebangsaan dan rasmi negara. Penggunaan bahasa Melayu dapat mengekalkan kesatuan masyarakat pelbagai kaum di negara ini disamping pengenalan jati diri bangsa yang unik serta memperkenalkan istilah-istilah baru yang sesuai diguna pakai menerusi rancangan-rancangan yang disiarkan atau yang diterbitkan seperti rancangan dokumentari atau majalah.

Disamping itu, wartawan juga dapat membantu pertumbuhan bahasa Melayu menerusi beberapa perkara yang dibuat seperti penapisan rancangan bukan saja dilakukan terhadap aspek akhlak, politik dan agama tetapi juga bahasa terutama sari kata dan alih suara program luar. Mereka seharusnya berganding bahu dengan kerajaan dalam memastikan pertumbuhan serta penyebaran bahasa Melayu dapat berlaku, setiap program-parogram atau aktiviti aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan mestilah mendapat liputan yang meluas oleh wartawan dan menyalurkan maklumat-maklumat atau input-input daripada program yang dianjurkan secara terus kepada masyarakat.

Kerjasama kerajaan dan wartawan dalam pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu memang tidak dapat dinafikan. Pelbagai program yang dilaksanakan bagi melihat bahasa Melayu terus mendapat tempat terus dipertingkatkan. Usaha memartabatkan dapat dilakukan dengan usaha pengayaaan khazanah ilmu dan persuratan Melayu, misalnya melalui penerbitan karya sastera yang bermutu tinggi. Seterusnya kompenan bahasa dan persuratan dalam pelbagai program terutamanya program negara yang bersifat pembinaan sahsiah di pelbagai peringkat mesti memasukkan program bahasa sebagai contohnya dalam program K3P, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta pelbagai program yang melibatkan pelbagai pihak dan golongan. Disamping itu juga menggunakan modul bahasa dalam program latihan jabatan-jabatan kerajaan, setiap jabatan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan perlu memasukkan modul bahasa, penulisan dan persuratan dalam program kursus dalam perkhidmatan masing-masing. Inilah caranya untuk kita memartabat serta mengembangkan semula bahasa Melayu.

Peranan media massa seperti Radio Klasik FM yang menganjurkan peraduan menulis pantun dan sajak bertemakan nilai-nilai murni dan budi bahasa turut menyumbang kearah penyebaran pertumbuhan bahasa Melayu yang lebih pesat. Usaha seperti ini wajar dicontohi oleh stesen radio atau stesen televisyen yang lain.

RUMUSAN

- Persuratan Melayu turut menyumbang kepada pertumbuhan dan penyebaran bahasa Melayu melalui dua tahap, iaitu tahap awal/klasik dan tahap perkembangan kesusasteraan moden.
- Raja Ali Haji terkenal sebagai ulama serta sasterawan Melayu terkemuka, mempunyai latar belakang pendidikan Arab, namun, beliau masih mengekalkan unsur bahasa Melayu klasik yang banyak dipengaruhi oleh perkataan Arab dan struktur bahasa Arab
- Abdullah Munsyi memperkenalkan bidang percetakan dan penerbitan buku pada pertengahan abad ke-19 yang membawa perubahan besar kepada dunia kesusasteraan Melayu moden.
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa utama atau bahasa pengantar bagi semua urusan yang dijalankan di Melaka seperti berdagang dan urusan pentadbiran.
- Penjajah barat juga turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan pemerintahan atau bahasa politik.
- Bahasa Melayu digunakan dan telah diangkat menjadi bahasa *lingua franca* dan menjadi bahasa penyebaran ilmu.
- Tokoh bahasa seperti Zaba, Asmah Hj. Omar dan Nik Nafiah Karim memainkan peranan penting dalam perkembangan dan memartabatkan bahasa melayu ke peringkat antarabangsa.
- Golongan wartawan dan media massa turut mengembang dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu dengan pelbagai aktiviti.

KATA KUNCI

Abdullah Munsyi Raja Ali Haji Za'ba
Pejabat Karang Mengarang Golongan wartawan penyebaran ilmu

PENILAIAN KENDIRI

1. Huraikan peranan dan sumbangan SITC dalam pembinaan dan pengembangan bahasa.
2. Siapakah yang wajar diiktiraf sebagai bapa kesusasteraan Melayu moden.
3. Pada penilaian anda, mampukah bahasa Melayu memainkan peranannya sebagai bahasa penyebar ilmu pengetahuan?

RUJUKAN

- Abdul Rashid Melebek dn Amat Juhari Moain. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors sdn Bhd.
- Abdul Samad Ahmad (1966). *Sejarah Kesusasteraan Melayu I, II dan III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (2006). *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu 1-V1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1985) *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan (2004). Melebarkan sayap bahasa Melayu di persada antarabangsa. *Dewan Bahasa*, 7.
- Darwis Harahap (1992). *Sejarah pertumbuhan bahasa melayu*. Pulau Pinang : Penerbit USM.
- Ismail Hussein (1966). *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*. KL:DBP
- Sufean Hussin (1996). *Pendidikan di Malaysia; sejarah, sistem dan falsafah*. KL:DBP
- Othman Kelantan (1992). *100 tahun pergerakan bahasa dan sastera Melayu 1888-1988*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.